

Triple Role: Suatu Penyingkapan Peranan dan Kerja Wanita

ABSTRAK

Peranan wanita kerap diperkecilkan skopnya. Kertas kerja ini cuba menghuraikan tugas wanita dengan merentasi definisi aktiviti produktif yang sebelum ini bertindak menjadi ukuran mutlak kepada nilai kerja yang dilakukan oleh seseorang, terutamanya wanita. Untuk tujuan itu, perbincangan memberi tumpuan kepada konsep "triple role" yang dihuraikan oleh O.N. Caroline Moser (1989 dan 1993), yakni pengurus rumahtangga (peranan reproduktif), pencari nafkah (peranan produktif), dan menguruskan komuniti untuk memahami sepenuhnya peranan seorang wanita dalam masyarakat. Jika setakat ini pihak kerajaan Malaysia, juga pertubuhan buruh antarabangsa, hanya mengiktiraf kerja yang mempunyai pulangan wang sebagai satu pekerjaan, maka sudah sampai masanya pentakrifan ini, terutamanya yang menyentuh tugas dan kerja seorang perempuan, dinilai semula bagi memastikan kesamarataan dapat dirasai oleh kedua-dua gender ini. Pendefinisian yang dangkal tentang kerja wanita akan merugikan, seterusnya memberi gambaran bahawa lelaki lebih penting berbanding wanita. Walhal, kedua jantina ini saling bergantung dan melengkapi. Usaha mendefinisi dan pentakrifan semula, misalnya melalui konsep "triple role", memperlihatkan betapa pentingnya peranan dan kerja wanita difahami dan diiktiraf. Ini signifikan, khususnya dalam konteks masyarakat moden yang mengiktiraf kesamarataan hak, peluang, dan layanan dari segi gender, etnik/ras, dan kelas untuk mewujudkan masyarakat madani yang maju.

Kata-kata kunci: konsep "triple role", peminggiran peran wanita, kesetaraan gender, sumbangan wanita, dan pembangunan bangsa Malaysia.

PENGENALAN

Dewasa ini, kerja merupakan sebahagian daripada aktiviti harian yang penting bagi manusia tanpa mengira jantina. Dengan bekerja, seseorang boleh menyara keluarga, mengurus, dan mengatur kehidupan dengan lebih baik di samping memperoleh kedudukan sosial yang lebih tinggi dalam masyarakat. Pekerjaan, jelasnya, boleh menjadi penentu status dan kualiti kehidupan. Dengan itu, secara idealnya, tanpa batas jantina dan segala bentuk perbezaan lain seperti etnik, agama dan kelas, sesiapa sahaja boleh bekerja dan memperoleh manfaat daripada pekerjaan yang dilakukan. Pun begitu di antara dua kumpulan jantina, wanita masih bergelut dengan persoalan perjuangan mendapatkan persamaan dari segi hak, peluang upah dalam dunia pekerjaan, serta akses kepada pendidikan.

Jalilah Md. Shah ialah Pensyarah Program Sosiologi & Antropologi Sosial, Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah), Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Alamat emel beliau adalah jelia14@hotmail.com

Meskipun wanita telah melalui beberapa tahap peningkatan yang mengagumkan, contohnya peluang mendapatkan pendidikan, terlibat dalam politik, dan bekerja di luar rumah. Namun sebilangan besar golongan ini masih bekerja di bidang pekerjaan yang berpendapatan rendah (Sharifah Zaleha Syed Hassan ed., 1998:1). Bagi menerangkan status ekonomi wanita yang rendah, Ratna Saptari dan Brigitte Holzner (1997) berpandangan bahawa secara asasnya wujud dua pendapat utama untuk menjelaskan keadaan ini. *Pertama* ialah kerana kemiskinan di kalangan wanita; dan *kedua* ialah wanita tidak dimasukkan sepenuhnya sebagai sumber pengeluaran manusia di dalam ekonomi. Wanita, menurut Ratna Saptari dan Brigitte Holzner (1997), sekiranya mempunyai kesempatan untuk melakukan kerja-kerja produktif, hasil pendapatan yang diperolehi boleh menarik mereka keluar dari kemiskinan seterusnya meningkatkan status ekonomi.

Menyedari bahawa peranan wanita kerap diperkecilkan skopnya, maka kertas kerja ini cuba menghuraikan tugas wanita dengan merentasi definisi aktiviti produktif yang sebelum ini bertindak menjadi ukuran mutlak kepada nilai kerja yang dilakukan oleh seseorang, terutamanya wanita. Untuk tujuan itu, perbincangan memberi tumpuan kepada konsep *triple role* yang diuraikan oleh O.N. Caroline Moser (1989 dan 1993), yakni pengurus rumahtangga (peranan reproduktif), pencari nafkah (peranan produktif), dan menguruskan komuniti untuk memahami sepenuhnya peranan seorang wanita dalam masyarakat.

TAKRIFAN KERJA DAN PERANAN WANITA YANG SEMPIT

Pada umumnya, setiap masyarakat mengakui dan menjelaskan adanya beberapa perbezaan peranan antara jantina. Lantaran itu, terdapat tugas-tugas dan tanggungjawab tertentu yang pada asasnya dikaitkan dengan golongan wanita dan lelaki. Dengan ini, perbincangan tentang peranan dan kerja wanita juga mempunyai perhubungan yang rapat dengan isu pembahagian tugas mengikut jantina. Sosio-budaya banyak memberi pengaruh ke atas definisi kerja dan peranan wanita dalam masyarakat. Sebagai contoh, anggapan popular dalam budaya Melayu tentang suami menjadi ketua keluarga, penyara keluarga, dan pembuat keputusan. Sebaliknya, isteri pula sebagai pembantu ataupun penyokong kepada golongan suami.

Bilamana membincangkan persoalan isu kerja dan peranan wanita, implikasi proses perindustrian, khususnya ke atas jantina ini, tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Perindustrian yang rancak telah mengubah peranan rumah sebagai pusat pengeluaran. Peralihan ini telah menyebabkan kerja yang dilakukan jauh ataupun di luar dari persekitaran rumah telah mula dinilai dari segi gaji/upah yang diterima. Justeru itu, kerja yang dilakukan oleh wanita di rumah tidak dinilai dan diambilkira. Menurut Himmelweit Gardiner dan Mackintosh Gardiner (1980), kerja yang dilakukan di luar rumah dalam masa yang sama telah menghakis kedudukan wanita.

Menerangkan mengenai perkara ini, Christine Helliwell (1993) menulis bahawa dalam masyarakat di mana kedua-dua perbezaan ini selari di antara satu dengan lain, wanita dianggap mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan lapangan “domestik” (*private*). Ruang domestik merangkumi tugas penjagaan anak-anak, mengurus, dan menjaga kebajikan ahli isi rumah dan rumahtangga. Lazimnya kesemua kerja ini diusahakan secara percuma. Di negara Barat, tugas domestik dikenalpasti berdasarkan peranan yang dipercayai bersifat semulajadi: makan, tidur, memenuhi keperluan emosi dan seksual, serta khusus melahirkan dan menjaga anak (Helliwell, 1993:267).

Sebaliknya, golongan lelaki pula dengan lebih mudah terlibat dalam persekitaran sosial dan awam yang lebih luas. Pekerjaan yang dioperasikan di luar ruang lingkup rumahtangga, termasuklah kerja-kerja seperti memburu, menangkap ikan, bekerja di pejabat, dan terlibat dalam politik, dilakukan oleh lelaki. Paling mustahak, kerja yang dilakukan dalam konteks *public* ini dibayar dengan wang, di samping mempunyai peluang untuk mengembangkan kerjaya mereka. Jelasnya, aktiviti domestik hanya tertumpu kepada kerja-kerja yang tidak membawa pulangan berbentuk wang kepada isi rumah; ia hanya dilihat sebagai satu bentuk “perkhidmatan” yang dijalankan atau patut dilakukan oleh wanita bagi memenuhi keperluan ahli-ahli isi rumah.

Terdahulu daripada itu, takrifan yang dikemukakan oleh Talcott Parsons telah memberi cara pengukuran fizikal untuk membezakan peranan antara lelaki dan wanita. Pentafsiran peranan diukur dari segi fizikal. Lelaki terlibat dalam aktiviti kerja di luar rumah serta lasak kerana mempunyai daya ketahanan fizikal yang lebih kuat daripada perempuan. Sebaliknya, wanita pula dikatakan mempunyai naluri keibuan dan sentimental maka dikaitkan dengan peranan sebagai penyokong emosi. Pendefinisian seumpama ini telah memberi implikasi yang sangat besar kepada wanita bilamana peranan dan tugas mereka diberi kedudukan lebih bawah daripada lelaki dan seakan-akan kurang penting (dalam Fatimah Abdullah, 1987; dan Nor Aini Hj. Idris, Madeline Berma & Faridah Shahadan, 1996).

Berbeza dengan pentakrifan yang sebelum ini menolak aspek sosial, khususnya aktiviti kebajikan dan pengurusan rumahtangga sebagai satu pekerjaan, O.N. Caroline Moser (1993), yang banyak mengkaji wanita dalam isi rumah berpendapatan rendah di negara Dunia Ketiga, berpendapat bahawa peranan yang diutarakan dalam literatur yang sedia ada kurang sesuai untuk menerangkan rol sebenar seorang wanita. Hal ini kerana, menurut O.N. Caroline Moser (1993), wanita bukan sahaja memikul dua peranan, yakni kerja dalam rumahtangga dan terlibat dalam aktiviti penjanaan ekonomi, tetapi turut memainkan peranan aktif di peringkat komuniti. Lantas itu, beliau merangkumkan wanita pada dasar sebenarnya mempunyai tiga peranan utama, iaitu peranan produktif, peranan reproduktif, dan peranan menguruskan masyarakat. Pengklasifikasian peranan wanita oleh O.N. Caroline Moser (1993) ini sebenarnya telah memberi nilai tambah ke atas definisi kerja dan peranan wanita.

Konsep *triple role* sebahagian besarnya berasal daripada debat golongan feminist dalam meluaskan literatur hubungan gender di Dunia Pertama dan Dunia Ketiga. Ia juga timbul kesan daripada penyelidikan ke atas wanita di negara Dunia Ketiga. Ini telah memberi asas pengetahuan kepada perancangan gender bentuk baru. Penggunaan ketiga-tiga peranan ini penting untuk menilai peranan wanita di dalam dan luar rumah. Ia juga untuk mengenalpasti apa yang dilakukan oleh wanita setiap hari di dalam kehidupan mereka, yang mana sebelum ini tidak kelihatan atau kurang diberi tumpuan. Perbincangan seterusnya memperincikan tiga peranan yang dikenalpasti oleh O.N. Caroline Moser.

PERANAN REPRODUKTIF

Takrifan tentang kerja tidak sahaja mempunyai perkaitan dengan apa yang dilakukan oleh seseorang. Sebaliknya, ia juga bersangkutan dengan keadaan yang menjadi latarbelakang kerja tersebut serta penilaian sosial yang diberikan ke atas sesuatu pekerjaan (Moser, Tornqvist & Bronkhorst, 1999). Lantaran itu, kerja wanita dalam rumahtangga sering kali ditafsirkan sebagai bukan satu bentuk pekerjaan. Ini berlaku kerana kerja berupah sahaja dianggap sebagai kerja yang produktif, manakala kerja tanpa upah dilihat sebagai tidak produktif. Misal ini dihuraikan oleh A.C. Pigou yang dipetik daripada Ratna Saptari dan Brigitte Holzner (1997), seperti berikut:

[...] sebagai suri rumahtangga, wanita tidak akan didaftarkan sebagai penghasil upah dan dengan demikian tidak dimasukkan di dalam statistik kebangsaan. Mereka menjadi "perempuan yang tidak nampak". Mereka tidak dianggap sebagai penghasil nafkah dan dengan itu dianggap tidak produktif. Ini kerana kerja rumahtangga bukan merupakan kerja berupah, maka ia tidak diakui sebagai kerja (Saptari & Holzner, 1997:15).

Tugas seperti pengasuhan anak, layanan terhadap ahli isi rumah, menjahit, atau mencuci pinggan mangkuk tidak termasuk dalam pendefinisian kerja. Ini kerana masyarakat tidak dapat melakukan kerja pengeluaran apabila beberapa perkara dasar dalam rumahtangga tidak dilakukan. Walau bagaimanapun, Edholm *et al.*, yang juga dipetik daripada Ratna Saptari dan Brigitte Holzner (1997:16), telah membezakan tiga jenis kerja reproduksi yang dilakukan oleh wanita yang merangkumi: (1) reproduksi biologis, (2) reproduksi tenaga kerja, dan (3) reproduksi sosial.

Reproduksi biologis ialah melahirkan anak, manakala reproduksi tenaga kerja membawa maksud sosialisasi dan pengasuhan anak untuk mempersiapkan mereka menjadi tenaga kerja berikutnya. Reproduksi sosial pula merupakan kerja yang meneruskan hubungan produksi dan struktur sosial dalam keluarga. Kerja reproduksi, terutamanya yang berkaitan dengan penjagaan anak dan kerja domestik lain yang mana dianggap masyarakat sebagai bukan kerja, harus dilakukan oleh seseorang untuk kelangsungan hidup masyarakat tersebut

(Saptari & Holzner, 1997:38). Golongan yang bertanggungjawab ke atas kerja ini tidak lain adalah wanita.

Jadual 1 menunjukkan senarai tugas harian seorang wanita di dalam rumahtangga. Dalam konteks isi rumah setinggan (Jalilah Md. Shah, 2003), terdapat 18 bentuk tugas utama telah disenaraikan sebagai kerja rumahtangga yang lazimnya dilakukan oleh seseorang wanita. Tugas-tugas harian yang dilakukan oleh wanita diklasifikasikan kepada tiga jenis utama, iaitu memproses makanan, mengurus dan menyelenggarakan rumahtangga, serta penjagaan dan asuhan anak. Di antara ketiga-tiga jenis klasifikasi ini, tugas memproses makanan dan menyelenggara rumah merupakan kerja yang banyak dilakukan oleh golongan wanita setiap hari.

Jadual 1:
Senarai Tugas Harian/Berkala yang Dilakukan oleh Wanita di Kawasan Setinggan

Kerja	Kategori Kerja
Harian: Penyediaan Sarapan Penyediaan Makan Tengahari Penyediaan Makan Malam	Memproses makanan
Cuci Pakaian Mengangkat Kain Melipat Kain Menggosok Kain Menyapu Rumah Mengemas Rumah	Mengurus dan menyelenggara rumahtangga
Menjaga Anak Memandikan Anak Membuat Susu Anak Memberi Anak Makan Mengajar Anak di Rumah Menguruskan Persekolahan Anak-Anak Menghantar Anak ke Sekolah	Penjagaan dan asuhan anak
Berkala: Membawa Anak/ Ahli Keluarga ke Klinik Pergi ke Pasar	

Sumber: Jalilah Md. Shah (2003: 99).

Biarpun tenaga kerja wanita tidak dibayar untuk kerja yang dilakukan di dalam isi rumah ini, tetapi mereka tetap menguruskan kerja rumahtangga secara lancar. Tanpa wanita untuk menanggung secara percuma kerja memasak, membasuh, membersihkan, membesarkan anak-anak, dan lain-lain, tenaga kerja – dan juga keseluruhan sistem tentang hubungan produk – tidak boleh terhasil sendiri. Menyentuh mengenai perkara ini, Hans Dieter Evers (1991) menyatakan bahawa perkara yang paling mustahak apabila membicarakan mengenai aktiviti reproduksi ialah sebahagian besar daripada kegiatan reproduksi wanita adalah berlaku sebagai penggunaan dan pengeluaran di luar ekonomi

pasaran. Kegiatan di dalam aktiviti ini pula sering dilaksanakan oleh tenaga kerja wanita tanpa upah. Akibatnya, kerja-kerja reproduksi ini tersingkir dari perangkaan, perancangan, dan perhatian pemerintah. Ini, menurut Hans Dieter Evers (1991), bermakna bahawa sumbangan wanita dalam aktiviti reproduksi seolah-olah “tidak ada” secara rasmi.

Menurut Rahmah Ismail (1997), tugas menjaga anak, misalnya, yang lazim dipertanggungjawabkan ke atas wanita sekiranya dilakukan dengan baik berupaya melahirkan insan yang berguna untuk pembangunan negara. Begitu juga kerja-kerja menguruskan rumahtangga bagi memenuhi dan menjaga keperluan ahli isi rumah yang membolehkan ahli-ahlinya melakukan kerja berupah tanpa perlu risau akan penjagaan makan dan minum. Dengan itu, istilah “peranan reproduktif” bagi menerangkan tugas yang dilakukan oleh wanita di dalam isi rumah, walaupun tidak diberi ganjaran, bukan suatu yang tidak produktif. Ini kerana sumbangan ini sebenarnya menyediakan perkhidmatan yang diperlukan bagi pembentukan dan penyelenggaraan tenaga kerja yang lebih formal di dalam isi rumah (Li, 1995:4). Sepertimana kajian-kajian sebelum ini, kajian ke atas wanita dalam komuniti setingan turut membuktikan bahawa kerja yang dilakukan dalam lingkungan rumahtangga telah menyumbang pendapatan yang besar sehingga membantu meningkatkan taraf hidup isi rumah setingan itu sendiri (Jalihan Md. Shah, 2003).

PERANAN PRODUKTIF

Peranan produktif merupakan aktiviti kerja yang mempunyai nilai pertukaran, sama ada secara nyata (*actual*) atau berkeupayaan untuk dimajukan (*potential*). Aktiviti produktif terdiri daripada kerja dalam sektor formal dan tidak formal, termasuk perusahaan keluarga (Moser, 1989:1817). Peranan produktif wanita, yang lazimnya dilihat berlaku hanya di luar daripada lingkungan domestik/*private*, telah mengalami pendefinisian semula. Ini kerana wanita yang berada dalam lingkungan rumahtangga juga melakukan peranan produktif dengan menyumbang pendapatan kepada keluarga mereka. Ini berlaku apabila aktiviti kerja dibentuk dan dilakukan dari dalam rumah (lapangan *private*), seperti membuat keropok dan menjahit (Heyzer & Sen, 1994) yang memperlihatkan kerja berupah telah termasuk di dalam lingkungan domestik. Dalam masa yang sama, aktiviti ini adalah sebahagian daripada kerja *social* (Helliwell, 1993:269).

Dalam pada itu, wanita juga tersepit di antara dua kerja disebabkan definisi kerja yang kabur dan menolak aktiviti-aktiviti yang boleh dianggap sebagai kerja. Misalnya isu dwi-peranan wanita; tugas-tugas di dalam lingkungan rumah dianggap tidak produktif dan peranan ini dilihat sebagai kurang penting. Jelasnya, sumbangan wanita ini biasanya dianggap tidak penting dari segi ekonomi dan ia cuma dilihat sebagai satu bentuk bantuan kepada keluarga semata-mata. Keadaan ini akhirnya memberi kesan kepada *stereotype* ke atas peranan wanita di dalam isi rumah dan masyarakat. Peranan wanita dianggap

kurang penting dan terhad kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewanitaan seperti menjahit, memasak, dan membasuh sahaja yang tidak banyak atau tidak langsung menyumbang kepada pendapatan isi rumah.

Rahimah Abdul Aziz (1984), misalnya, menegaskan anggapan bahawa peranan wanita bersifat tenaga “sokongan” memberi implikasi bahawa wanita memainkan peranan yang kurang penting berbanding kaum lelaki. Sepatutnya dalam hubungan kerja antara lelaki dan wanita, kedua-dua pihak perlu dilihat sebagai saling bantu-membantu dan memainkan peranan yang positif, saksama, serta sama pentingnya. Situasi ini diperkukuhkan lagi apabila Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) menyenaraikan salah satu halangan penyertaan wanita sepenuhnya dalam pembangunan yang dikenalpasti melalui Rancangan Malaysia Keenam (1990-1995), ialah wanita selalunya dianggap sebagai pencari nafkah kedua yang hanya membantu menambah pendapatan keluarga. Implikasinya, program-program yang dirangka bagi mewujudkan peluang pendapatan untuk wanita, umumnya hanya memperkukuhkan lagi peranan golongan ini di rumah dan jarang menyediakan peluang untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam pasaran (Noor Aini Khalifah, Zaini Mahbar & Mohaini Tajuddin, 1996).

Peranan dan sumbangan wanita telah menjadi fokus yang signifikan dalam membincangkan isu kemiskinan. Ini kerana penglibatan wanita dalam ekonomi dan pembangunan sosial adalah penting atau asas untuk membentuk kecekapan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan (Moser, Tornqvist & Bronkhorst, 1998:13). Menurut Noleen Heyzer dan Gita Sen (1994:5) pula, wanita terpaksa mengimbangi beberapa peranan dalam usaha menangani atau berdepan dengan kemiskinan dan perlu untuk memikirkan beberapa strategi bagi penerusan hidup. Ini bermakna bahawa wanita sebenarnya merupakan salah satu agen penting di dalam membasmi kemiskinan, sama ada di kawasan desa mahupun bandar. Satu perkara yang pasti ialah wanita, walaupun terlibat di dalam kegiatan ekonomi, peranan dan sumbangan mereka sebagai pengurus rumahtangga masih berterusan.

Keadaan ini dibuktikan melalui kajian empirikal berkenaan, sama ada wanita luar bandar mahupun wanita yang mendiami kawasan bandar. Haleh Afshar dan Bina Agarwal (1989), umpamanya, mengakui keadaan ini dengan menjelaskan bahawa walaupun terlibat dalam sektor pekerjaan, wanita masih bertanggungjawab dalam urusan rumahtangga. Penulis turut menegaskan yang golongan wanita secara tradisionalnya merupakan golongan yang dikhususkan menjaga rumahtangga, melahirkan, dan mendidik anak. Dalam erti kata lain, keadaan ini menunjukkan bahawa pembahagian tenaga kerja di dalam isi rumah kekal memperlihatkan golongan wanita mendominasi tugas reproduktif yang sering dikaitkan dengan peranan seorang wanita.

Sesungguhnya, wanita di Malaysia telah melalui beberapa tahap peningkatan yang mengagumkan, khususnya selepas negara merdeka. Wanita mendapat peluang untuk bersekolah, ada yang terlibat dalam politik, dan bekerja di

luar rumah. Bagaimanapun, golongan ini masih bekerja di bidang yang berpendapatan rendah meskipun mendapat peluang untuk menceburi bidang ekonomi, sama ada di luar rumah mahupun sekitar kejiranan. Masyarakat juga masih melihat tanggungjawab utama wanita adalah di rumah, walaupun mereka juga terikat dalam pekerjaan di luar rumah (Sharifah Zaleha Syed Hassan ed., 1998:1).

Ini dengan jelas menunjukkan bahawa walaupun wanita terlibat dalam aktiviti ekonomi, dalam masa yang sama masih menguruskan rumahtangga. Tegasnya, wanita yang bekerja di luar rumah tidak meninggalkan peranannya sebagai surirumah, isteri, dan ibu, malah menggabungkan peranan-peranan tersebut (Papanek, 1980; Rahimah Abdul Aziz, 1984; Fatimah Abdullah, 1987; Moser, 1993; Nor Aini Khalifah, Zaini Mahbar & Mohaini Tajuddin, 1996; dan Kamsiah Ali, 2000). Ekoran daripada itu, timbul persoalan beban kerja yang bertambah (*overburdened*) di kalangan wanita yang bergiat dalam aktiviti perekonomian. Penggunaan kedua-dua konsep reproduktif dan produktif telah menyebabkan ahli pengajian wanita dan ahli ilmu sosial mula menyedari bahawa kerja yang tidak langsung, seperti menguruskan keperluan isi rumah, turut menghasilkan sesuatu.

PERANAN MENGURUSKAN KOMUNITI

Peranan menguruskan komuniti dimainkan oleh wanita di peringkat komuniti sebagai pengembangan peranan reproduktif. Peranan ini, menurut O.N. Caroline Moser (1993), adalah usaha golongan wanita di dalam menyediakan dan memastikan sumber (*sources*) untuk kegunaan secara kolektif berjalan dengan lancar. Biasanya, tugas ini merupakan kerja secara sukarela dan dilakukan ketika "masa lapang". Isu yang timbul mengenai peranan ini, mengikut O.N. Caroline Moser, ialah wanita memainkan peranan menguruskan persatuan secara sukarela tidak dianggap sebagai kerja kerana mereka tidak mendapat upah daripada kerja itu walaupun tenaga kerja mereka digunakan. Justeru itu peranan mereka tidak diiktiraf, kerana tidak dianggap melakukan kerja. Rentetan daripada itu maka peranan dan kerja wanita perlu diperluaskan skopnya bagi mengelakkan penyempitan sumbangan dan fungsi wanita itu sendiri dalam masyarakat.

IMPLIKASI PENDEFINISIAN KERJA YANG SEMPIT

Masyarakat kontemporari yang berunsurkan komersial dan pasaran sering mewujudkan perbezaan yang ketat antara kerja berupah dan kerja tanpa upah. Satu isu yang menarik tentang pendefinisian peranan dan kerja berdasarkan gender ialah wujud penguasaan bidang pekerjaan tertentu oleh sesuatu kumpulan gender. Lebih daripada itu, ia berupaya menghadkan kebolehan seseorang manusia. Ini memberi implikasi kepada nilai kerja yang dilakukan oleh seseorang. Justeru itu, terdapat anggapan yang akhirnya banyak merugikan golongan wanita seperti yang dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

A. HANYA KERJA BERUPAH DIANGGAP PRODUKTIF

Lazimnya aktiviti kerja yang dilakukan di luar rumah dianggap produktif, sebaliknya kerja tanpa upah dianggap tidak produktif. Pendefinisian yang dipegang oleh wanita tentang kerja juga mempengaruhi letakan peranan mereka. Kesannya, wanita tidak menganggap apa yang mereka kerjakan di rumah, misalnya menguruskan rumahtangga, sebagai satu bentuk pekerjaan. Justeru itu, tidak hairanlah mengapa kerja yang dilakukan oleh wanita di rumah seumpama menguruskan anak, mendidik anak, memasak, cuci kain, memenuhi keperluan suami, mengemas rumah, dan banyak lagi tidak dianggap sebagai kerja. Sebaliknya, dianggap sebagai tanggungjawab mutlak dan kewajipan seorang isteri.

Di samping itu, pendapatan yang dijana dari rumah juga diragukan sebagai pekerjaan. Ini kerana bagi wanita yang mungkin disosialisasikan tentang kerja itu sebagai sesuatu yang dilakukan di luar rumah, maka selain daripada *framework* itu ia bukanlah alam pekerjaan. Kajian yang dilakukan ke atas wanita di kawasan setingan, misalnya, tidak menganggap aktiviti menjahit sebagai kerja kerana ia diusahakan di dalam kawasan rumah. Sedangkan dalam kes tertentu, pendapatan yang diperolehi menerusi kerja menjahit melebihi upah yang diterima oleh suami dan wanita yang bekerja di luar rumah (Jalilah Md. Shah, 2003).

B. KEPAKARAN DAN KEMAHIRAN YANG TERHAD

Pendidikan telah menjadi batu asas penting untuk memasuki pasaran buruh, lebih-lebih lagi bagi memegang jawatan penting dalam sesebuah organisasi. Selain itu, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki menjadikan seseorang itu lebih *advance* dan diperlukan dalam pasaran kerja. Jambatan yang biasanya digunakan untuk menghubungkan kedua-dua ini dengan sumber manusia ialah pendidikan, setidak-tidaknya yang paling asas. Walaupun begitu, wanita merupakan golongan yang paling terhad terdedah kepada kemahiran dan latihan. Lebih daripada itu, kemiskinan di dunia paling ramai dialami oleh wanita. Dalam banyak masyarakat, anak perempuan pula yang kerap diberhentikan sekolah berbanding anak lelaki. Dengan itu, bagaimana wanita berupaya menembusi pasaran kerja dan bersaing sekiranya hidup miskin dan tidak disekolahkan? Pilihan yang ada dan kerap diambil oleh wanita ialah menceburi sektor tidak formal yang tidak meletakkan faktor pendidikan dan kemahiran sebagai syarat memperoleh pendapatan.

C. SEBAHAGIAN KERJA DIANGGAP SEBAGAI KURANG PENTING

Kerja yang dilakukan oleh manusia mempunyai sumbangan dan peranan yang tersendiri. Bagaimanapun, rentetan daripada ada pekerjaan yang mendapat “pengiktirafan” dan ada pula ditakrif sebagai bukan kerja. Maka ada kerja, khususnya dalam konteks perbincangan ini kerja rumahtangga dan buruh percuma di kebun keluarga misalannya, kurang penting dan hanya bersifat sebagai pelengkap. Sedangkan jika diperhalusi, masa yang diluahkan/

dituntut untuk satu-satu kerja rumahtangga lebih dari masa bekerja formal seseorang dalam pasaran buruh. Purata kerja seorang suri rumah sepenuh masa melebihi 10 jam sehari. Malahan tugas menjaga anak, seperti yang ditegaskan oleh Himmelweit Gardiner dan Mackintosh Gardiner (1980:243), merupakan bahagian tugas yang mengambil masa yang banyak oleh surirumah sepenuh masa. Penjagaan anak adalah tugas 24 jam, di mana anak kecil memerlukan kehadiran dan perhatian orang dewasa sepenuhnya. Manakala bagi wanita yang juga terlibat dalam pasaran kerja formal memperuntukkan masa untuk menguruskan rumahtangga meskipun ada yang mendapatkan khidmat pembantu rumah.

D. STATUS WANITA DIREDAHKAN

Satu daripada kelemahan yang wujud, ekoran daripada pendefinisian kerja wanita yang rigid, ialah meletakkan kedudukan dan status wanita lebih rendah berbanding lelaki. Dalam pada itu, wanita juga mengalami dilema dengan rakan sejawat mereka yang bekerja di luar rumah. Pandangan masyarakat umumnya terhadap wanita bekerja di luar rumah lebih tinggi jika dibandingkan wanita yang menjadi suri rumah sepenuh masa. Namun kecacatan definisi yang menganggap lingkungan rumahtangga tidak berfungsi sebagai persekitaran tempat kerja juga mendatangkan kerugian kepada pihak pemerintah dan lebih penting ia memperkecilkan lagi skop peranan wanita itu sendiri. Sedangkan ramai wanita yang berada dalam ruang domestik menjana pendapatan sendiri dari rumah masing-masing. Kajian Jalilah Md. Shah (2004), misalnya, menunjukkan bahawa wanita dalam komuniti setinggan yang menjadi penyelamat ekonomi keluarga, terutamanya bilamana suami tidak bekerja. Wanita terbabit tidak bekerja di luar rumah, sebaliknya melakukan aktiviti ekonomi dari dalam rumah mereka sebagai contoh menjadi tukang jahit, menjual kuih, dan berniaga kedai runcit. Keadaan yang hampir serupa juga dilalui oleh wanita yang terlibat dalam sektor tidak formal, yang kegiatan mereka disingkirkan daripada statistik pendapatan negara.

KESIMPULAN

Berlakah keaburan definisi tentang kerja wanita? Pihak pemerintah, juga pertubuhan buruh antarabangsa, hanya mengiktiraf kerja yang mempunyai pulangan wang sebagai satu pekerjaan. Sudah sampai masanya pentakrifan ini, terutamanya yang menyentuh tugas dan kerja seorang perempuan, dinilai semula bagi memastikan kesamarataan dapat dirasai oleh kedua-dua gender ini. Pendefinisian yang dangkal tentang kerja wanita akan merugikan, seterusnya memberi gambaran bahawa lelaki lebih penting berbanding wanita. Walhal, kedua jantina ini saling bergantung dan melengkapi.

Konsep yang dikemukakan oleh O.N. Caroline Moser (1989 dan 1993) membuktikan bahawa wanita mempunyai sumbangan dan peranan yang besar dalam isi rumah dengan melibatkan diri dalam kegiatan perekonomian

dan secara serentak turut menguruskan keperluan isi rumah dan komuniti persekitaran di luar lingkungan rumahtangga. Naila Kabeer (1994:276-278) pula, walaupun telah mengkritik penggunaan istilah *triple role* oleh O.N. Caroline Moser, menerima kepentingan sumbangan beliau untuk menunjukkan pelbagai peranan wanita dan menjelaskan aspek-aspek kerja wanita yang mungkin tidak diperakui oleh pihak perancang, kerana kerja-kerja ini tidak diberi upah. Meskipun begitu, kebelakangan ini ada kajian yang mula mengiktiraf tugas rumahtangga wanita (Kamsiah Ali, 2000) dan cuba mengangkat martabat suri rumah. Perlu diingat bahawa kerja-kerja yang dilakukan secara percuma ini juga satu penjimatan bagi isi rumah.

Namun satu perkara yang perlu diberi perhatian, seperti mana yang dinyatakan oleh Sharifah Zaleha Syed Hassan ed. (1998:1), adalah peningkatan penglibatan wanita menyertai ruang awam (*public sphere*) tidak membawa keadaan yang serupa di pihak lelaki ke ruang kerja domestik dalam rumahtangga. Sebagai kesan, masyarakat masih melihat tanggungjawab wanita adalah untuk kerja isi rumah walaupun mereka juga terikat dalam pekerjaan di luar rumah. Ekoran daripada itu, istilah “produktif” dan “reproduktif” yang digunakan dalam perancangan pembangunan penting untuk melihat peranan dan penglibatan wanita di dalam isi rumah. Jelasnya, bilamana bercakap tentang peranan wanita, ketiga-tiga tugas ini perlu dilihat tanpa mengabaikan salah satu pun daripadanya. Ini bersandarkan hakikat bahawa wanita tidak sahaja bekerja dalam rumah (menguruskan keluarga), luar rumah (mendapatkan wang), tapi juga menguruskan masyarakat melalui aktiviti sukarela.

Usaha mendefinisi dan pentakrifan semula, misalnya melalui konsep *triple role*, memperlihatkan betapa pentingnya peranan dan kerja wanita difahami dan diiktiraf. Ini signifikan, khususnya dalam konteks masyarakat moden yang mengiktiraf kesamarataan hak, peluang, dan layanan dari segi gender, etnik/ras, dan kelas untuk mewujudkan masyarakat madani yang maju.

Bibliografi

- Afshar, Haleh & Bina Agarwal. (1989). *Women, Poverty, and Ideology in Asia: Contradictory Pressures, Uneasy Resolutions*. London: MACMILLAN Press.
- Evers, Hans Dieter. (1991). “Teori Pengeluaran Subsistensi dan Pengeluaran Tak Formal” dalam *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, Vol.19. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, ms.3-12.
- Faridah Shahadan, Nor Aini Hj Idris & Zaini Mahbar. (1996). “Tabungan dan Pelaburan” dalam Rahmah Ismail & Zaini Mahbar [eds]. *Wanita dan Pekerjaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Abdullah. (1987). “Wanita yang Bekerja dan Pengurusan Rumahtangga” dalam *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, Jilid 15. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gardiner, Himmelweit & Mackintosh Gardiner. (1980). “Women’s Domestic Labour” dalam E. Malos [ed]. *The Politics of Housework*. London: Allison and Busby.

- Helliwell, Christine. (1993). "Women in Asia: Anthropology and the Study of Women" dalam Grant Evans [ed]. *Asia's Cultural Mosaic: An Anthropological Introduction*. New York: Prentice Hall.
- Heyzer, Noeleen & Gita Sen. (1994). *Gender, Economic Growth, and Poverty: Market Growth and State Planning in Asia and the Pacific*. New Delhi: Asian and Pacific Development Center.
- Jalilah Md. Shah. (1999). "Wanita dalam Isi Rumah Nelayan: Satu Kajian Kes di Kampung Weston Laut". *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Kota Kinabalu: Program Sosiologi dan Antropologi Sosial, Sekolah Sains Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Jalilah Md. Shah. (2003). "Peranan Wanita dalam Komuniti Setinggalan". *Tesis Sarjana Sastera Tidak Diterbitkan*. Kota Kinabalu: Program Sosiologi dan Antropologi Sosial, Sekolah Sains Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Kabeer, Naila. (1994). *Reversed Realities: Gender Hierarchies in Development Thought*. London: Verso.
- Kamsiah Ali. (2000). "Pekerjaan Surirumah". *Kertaskerja* dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Wanita Malaysia dalam Alaf Baru, anjuran Southeast Asian Association for Gender Studies - SAMA (Malaysia) & Jabatan Sains Politik (UKM). Petaling Jaya: 16-17 September.
- Laporan Banci Penduduk dan Perumahan*. (2000).
- Li, Tania Murray. (1995). *Orang Melayu di Singapura*. Kuala Lumpur: Synergy Books International, Terjemahan Abdul Rahman Hj. Embong.
- Moser, O.N. Caroline. (1989). "Gender Planning in Third World: Meeting Practical and Strategic Gender Needs" dalam *World Development*, 17(11), ms.1799-1825.
- Moser, O.N. Caroline. (1993). *Gender Planning and Development Theory: Practice and Training*. London: Routledge.
- Moser, O.N. Caroline & Jeremy Holland. (1997). *Urban Poverty and Violence in Jamaica: World Bank Latin American and Caribbean Studies*. Washington D.C.: The World Bank.
- Moser, O.N. Caroline, Annika Tornqvist & Bernice Van Bronkhorst. (1999). *Mainstreaming Gender and Development in the World Bank: Progress and Recommendations*. Washington D.C.: The World Bank.
- Noor Aini Khalifah, Zaini Mahbar & Mohaini Tajuddin. (1996). "Dwikerjaya" dalam Rahmah Ismail & Zaini Mahbar [ed]. *Wanita dan Pekerjaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aini Hj. Idris. (1996). "Wanita dalam Sektor Tidak Formal: Satu Dimensi Kemiskinan Bandar" dalam Chamhuri Siwar & Nor Aini Hj. Idris [ed]. *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aini Hj. Idris, Madeline Berma & Faridah Shahadan. (1996). *Wanita Malaysia dalam Era Pembangunan Industri*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oakley, Ann. (1985). *The Sociology of Housework*. Great Britain: Basil Blackwell.
- Papanek, Hanna. (1980). *Wanita Kota Jakarta: Kehidupan Keluarga dan Keluarga Berencana*. Jakarta: Gadjah Mada University Press.
- Rahimah Abdul Aziz. (1984). "Kedudukan Sosio-Ekonomi Kaum Wanita di Kalangan Keluarga Berpendapatan Rendah" dalam Hairi Abdullah [ed]. *Kemiskinan dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah Ismail. (1997). "Peranan Wanita dalam Pembangunan Negara" dalam *Siri Kertas Penyelidikan*. Bangi: Jabatan Ekonomi Pembangunan dan Perancangan, Fakulti Ekonomi UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Saptari, Ratna & Brigitte Holzner. (1997). *Perempuan, Kerja, dan Perubahan Sosial*. Jakarta: Penerbit PT Pustaka Utama Grafiti.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan [ed]. (1998). *Malaysian Women in the Wake of Change*. Kuala Lumpur: Gender Studies Programme, University of Malaya.
- Unit Perancang Ekonomi. (2000). *Laporan Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000)*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.